

(12 Februari 2021) ksmo, p. 4

Kes pesakit sembuh kumulatif melebihi angka 200,000


PUTRAJAYA – Sebanyak 3,774 kes sembuh dicatatkan semalam iaitu mengatasi kes harian negara yang melaporkan sebanyak 3,384 kes, menjadikan jumlah kes kumulatif sembuh di Malaysia sebanyak 202,269 kes.

Sebanyak 17 kluster baharu dilaporkan semalam membabitkan 13 kluster tempat kerja, dua kluster komuniti dan masing-masing satu kluster pusat tahanan serta kumpulan berisiko tinggi.

Selangor kekal merekodkan kes baharu tertinggi sebanyak 1,082 kes diikuti oleh Johor (777 kes) dan Kuala Lumpur (435 kes).

Terdapat 13 kematian dilaporkan di Selangor, Sabah, Johor, Terengganu, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Sarawak melibatkan tujuh lelaki dan enam wanita berusia antara 38 hingga 87 tahun.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kluster baharu yang dilaporkan ialah Kluster Tapak Bina Lembah Subang di Petaling, Selangor dengan 28 kes saringan bersasar pekerja sebuah tapak



binaan di Jalan PJU, Petaling Jaya.

Menurutnya, Kluster Subang Delima juga di Petaling dengan 15 kes membabitkan pekerja sebuah kilang di Jalan Delima, Subang Hi-tech Industrial Park, Shah Alam serta Kluster Jalan Bukit Sentosa di Hulu Selangor

dengan 14 kes iaitu kes indeks saringan bergejala.

"Kluster ini melibatkan pegawai dan kontak sekerja di sebuah pusat latihan di Jalan Bukit Sentosa, Rawang. Selain itu, Kluster Jalan Berhala di Lembah Pantai, Kuala Lumpur dengan 21 kes membabit-

kan pekerja sebuah syarikat pembersihan di Lembah Pantai.

"Seterusnya, Kluster Jalan Telawi di Lembah Pantai dan Titiwangsa dengan 21 kes saringan bersasar pekerja sebuah pasar raya," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, Kluster Bukit Angkasa di Lembah Pantai membabitkan 20 kes saringan bersasar pengawal keselamatan menetap di Taman Bukit Angkasa, Pantai Dalam, Lembah Pantai.

"Kluster Jalan Air Hitam pula di Kulai, Johor dengan 108 kes membabitkan pekerja sebuah kilang, manakala Kluster Kampung Tanjung Selabu di Muar dengan 92 kes melibatkan pekerja sebuah kilang.

"Kluster Jalan Perindustrian Getah dikesan di Kulai, Johor Bahru dan Kota Tinggi dengan 102 kes melibatkan pekerja sebuah kilang di Kulai," katanya.

Noor Hisham berkata, Kluster Jalan Raja Muar di Muar dengan 59 kes pekerja sebuah kilang serta Kluster Jalan Gemilang Lima di Johor Bahru dengan 42 kes

pekerja sebuah kilang.

"Dua lagi kluster tempat kerja ialah Kluster Perdana di Kuala Muda, Kedah dengan 233 kes membabitkan pekerja sebuah kilang.

"Kluster Dedap pula di Yan membabitkan 11 kes iaitu kes indeks bergejala serta melibatkan sebuah pusat pengajian," katanya.

Ujarnya lagi, dua kluster komuniti membabitkan Kluster Nanga Lijan di Julau, Sarawak dengan 23 kes iaitu kes indeks bergejala serta melibatkan kontak keluarga dan kontak rapat kepada kes indeks yang tinggal di sebuah rumah panjang.

"Satu lagi kluster ialah Kluster Jalan Bakawali Ramun di Kota Tinggi dengan lapan kes iaitu kes indeks bergejala. Kluster membabitkan pusat tahanan ialah Kluster Tembok Bendera di Kinta dan Batang Padang, Perak dengan 21 kes.

"Untuk kluster kumpulan berisiko tinggi melibatkan Kluster Jalan Bukit Baru di Melaka Tengah dan Jasin, Melaka dengan 11 kes," jelasnya.